



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan ditawarkan untuk memohon jawatan **bertaraf Tetap** di Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan keutamaan kepada **Anak Negeri Selangor**.

1. Nama Jawatan	:	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT		
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Sistem Maklumat		
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan dan Profesional		
Taraf Jawatan	:	Tetap		
Kekosongan Jawatan	:	1		
			<u>Min</u>	<u>Mak</u>
Gred dan Jadual Gaji	:	F41	RM 2,315.00	RM 9,618.00

Elaun :

- a) Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM300.00
- b) Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00
- c) Bantuan Sara Hidup (COLA) : RM300.00

Syarat Lantikan :

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM 2,315.00); atau
 - b) Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41 RM2,522.44); atau
 - c) Ijazah Sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,833.78); atau

- d) Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM3,145.11).
- 2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

2. Nama Jawatan	:	PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG		
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Perundangan dan Kehakiman		
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana		
Taraf Jawatan	:	Tetap		
Kekosongan Jawatan	:	1		
			<u>Min</u>	<u>Mak</u>
Gred dan Jadual Gaji	:	L29	RM 1,773.00	RM 5,674.00

Elaun :

- a) Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM 160.00
b) Imbuhan Tetap Perumahan : RM 300.00
c) Bantuan Sara Hidup (COLA) : RM 350.00

Syarat Lantikan :

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- a) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L29: RM1,773.00); atau
- b) Diploma undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L29: RM1,847.86).
- 2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON :

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang MPAJ 1 (Percuma) yang boleh didapati dari **Kaunter Khidmat Pelanggan atau muat turun borang melalui laman web Majlis Perbandaran Ampang Jaya iaitu www.mpaj.gov.my**
2. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar beserta dengan:
 - a) **Salinan Kad Pengenalan**
 - b) **Salinan Sijil Kelahiran;**
 - c) **Salinan Sijil-sijil Persekolahan**
 - d) **Salinan Sijil Berhenti Sekolah Menengah;**
 - e) **Salinan Kelulusan Akademik** beserta transkrip (sila lampirkan bersama surat pengesahan pengiktirafan kelayakan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi sijil/diploma/ijazah dari IPTS dan luar negara - (jika berkenaan);

(Semua Salinan di atas hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Wakil Rakyat/ Pegawai Kerajaan Pengurusan dan Profesional/ Pengetua Sekolah/ Guru Besar/ Penghulu/ Ketua Kampung).
 - f) **Sekeping gambar ukuran passport; dan**
 - g) **Nama jawatan yang dipohon hendaklah dinyatakan dipenjuru atas kiri sampul surat permohonan.**
3. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan mengikut **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012** dan menyertakan bersama-sama Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang telah **DIAKUI SAH**.
4. Calon-calon yang layak dan mematuhi syarat sahaja akan menjalani Ujian Kecerdasan (IQ Test) dan Ujian Kecergasan (Fitness) (sekiranya ada) sebelum layak dipanggil untuk sesi temuduga.

PENTING :

1. Permohonan yang **lewat** dan **tidak lengkap** diisi akan **ditolak**.
2. Hanya calon yang **berjaya sahaja** akan **dipanggil temuduga**.
3. Pemohon-pemohon yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.
4. Sebarang tuntutan perbelanjaan adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
5. **Slip akuan penerimaan borang permohonan** hendaklah diisi dan disertakan dengan **setem RM1.50 sen**.
6. Sebarang pertanyaan atau kesulitan sila hubungi talian **03-4285 7040 / 7037**. Semua permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
MENARA MPAJ
JALAN PANDAN UTAMA
PANDAN INDAH
55100 KUALA LUMPUR
(U.P: BAH. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

Diiklankan pada : 20 September 2024 (JUMAAT)

Tarikh tutup permohonan pada : 03 Oktober 2024 (KHAMIS)

**KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA ANAK KELAHIRAN
NEGERI SELANGOR**



**SENARAI SEMAK PERMOHONAN JAWATAN
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

- 1) Pemohon hendaklah memastikan dokumen salinan yang dikemukakan lengkap seperti senarai semak dibawah :-

BIL.	SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG PERLU DIHANTAR	SILA TANDAKAN “ / ”
1.	Borang Permohonan	
2.	Sesalanan Kad Pengenalan Pemohon	
3.	Sesalanan Sijil Lahir Pemohon	
4.	Sesalanan Sijil Berhenti Sekolah menengah	
5.	Sesalanan kelulusan-kelulusan yang diperolehi : SRP/PMR/PT3, SPM, STPM, STAM, SIJIL-SIJIL, DIPLOMA, IJAZAH dan Surat Pengiktirafan (cetakan pengesahan e-sisraf/ MQA)	
6.	Surat Sokongan Ketua Jabatan - jika berkaitan	
7.	Sesalanan LNPT Tahunan (Terkini) - jika berkaitan	
8.	Sesalanan Kenyataan Perkhidmatan Pegawai – jika berkaitan	

- 2) Sila hantar satu (1) Salinan dokumen **DIAKUI SAH** berkenaan dalam tempoh tawaran yang ditetapkan.
- 3) **KEGAGALAN** memberi dan mengemukakan maklumat yang betul dan lengkap akan membatalkan permohonan ini.
- 4) Permohonan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pemohon tidak mengemukakan / menghantar dokumen Salinan sijil yang dihantar ke alamat berikut :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
MENARA MPAJ
JALAN PANDAN UTAMA
PANDAN INDAH
55100 KUALA LUMPUR
(U.P: BAH. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**